



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD		
TARIKH	:	18/7/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	:	TNB		

Kosmo, 18 Jul

2021\_13

### 40 keluarga terharu terima bantuan TNB

**LUMUT** – Sebanyak 40 buah keluarga yang kurang berkemampuan di Teluk Muroh di sini lega apabila menerima bantuan barangan keperluan bagi menyambut Hari Raya Aidiladha pada Selasa ini.

Bantuan itu berupa seekor ayam segar, nasi impit, kacang tanah, minyak masak dan bahan masakan untuk menyediakan juadah raya.

Kesemua barangan itu disumbangkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Janamanjung Sdn. Bhd., Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (TNBJ) menerusi Program Prihatin Aidiladha TNBJ 1442 Hijrah dengan kerjasama komuniti Teluk Muroh semalam.

Penerima bantuan, Zuraida Shariff, 41, bersyukur menerima sumbangan barangan kerana berpeluang merasai suasana hari raya bersama dua anaknya walaupun tidak semeriah dahulu.

"Sebelum ini, saya akui agak tertekan kerana tidak dapat

bekerja disebabkan kawasan tempat tinggal dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD)," katanya.


Ibu tunggal itu berkata, dia bergantung dengan gaji harian sebagai pembantu kedai.

Seorang lagi penerima bantuan, Rosnita Othman, 47, berkata, sebelum ini dia enggan memikirkan mengenai sambutan hari raya kerana suaminya yang bekerja sebagai pengawal keselamatan hanya memperoleh gaji RM1,100 sebulan.

"Dengan gaji sebanyak itu agak mustahil untuk berbelanja raya," jelasnya.

Sementara itu, Pengarah Urusan TNBJ, Datuk Shamsul Ahmad berkata, bantuan itu turut diagihkan kepada orang kelainan upaya, muafak, ibu tunggal dan mereka yang hilang pekerjaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

"Kami berharap sumbangan ini dapat memberi keceriaan bagi menyambut Aidiladha pada tahun ini," katanya.



**SHAMSUL (depan, dua dari kiri) menyampaikan bantuan kotak makanan kepada penduduk di Lumut, Perak semalam.**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)

